



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION




TARIKH	26 MEI 2026 (SELASA)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / <b>HM</b> / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	LEDAKAN BANK DIGITAL DI MALAYSIA		
M/S	33 – 34 (#ITMETRO)	KATA KUNCI	DIGITAL BANK, MALAYSIA
BIDANG	MANAGEMENT		

HARIAN METRO  
SELASA 26 MEI 2026

#ITMETRO | 33

# #ITMETRO



## LEDAKAN BANK DIGITAL DI MALAYSIA

Namun muncul kebimbangan berikutan ada di antara bank digital ini turut menawarkan 'pakej pinjaman mudah'

### FOKUS

Oleh Muhammad Saufi Hassan  
saufi@mediaprima.com.my / telegram

Ledakan bank digital di negara ini bukan sekadar cerita tentang kemudahan membuka akaun melalui telefon pintar, malah memberi kemudahan kepada pengguna.

Di sebalik antaramuka yang mesra pengguna dan tawaran pinjaman yang pantas diluluskan, muncul kebimbangan serius kerana kebanyakan bank digital ini turut menawarkan 'pakej pinjaman mudah'.

Persoalan itu semakin relevan apabila dilihat pada angka terkini.

Menjelang penghujung

tahun lalu, Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia (BNM) menyatakan bank digital di negara ini mencatatkan 2.4 juta pelanggan dengan jumlah deposit RM4.2 bilion.

Pertumbuhan itu pantas, namun begitu hampir 60 peratus daripada pelanggan bank digital terdiri daripada mereka yang sebelum ini mempunyai akses terhadap kepada perkhidmatan kewangan tradisional, termasuk pekerja gig dan golongan yang secara lazimnya lebih terdedah kepada tekanan kewangan.

Pakar ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Prof Madya Mejar Dr Mohd Haridon Mohamed Suffian berkata, kemudahan pembiayaan

yang ditawarkan bank digital ada nilainya, tetapi perlu diimbangi dengan berhati-hati.

Beliau mengakui bahawa pemberian pembiayaan oleh bank digital membantu merencanakan ekonomi domestik, terutama apabila pinjaman berkenaan digunakan untuk perbelanjaan pengguna atau pengembangan perniagaan kecil dan sederhana.

Namun pada masa yang sama, beliau memberi amaran keras tentang risiko yang sedang membesar. "Risiko 'Pinjaman Tidak Berbayar' sudah menjadi satu barah kewangan."

"Buat masa sekarang, nilainya mencecah anggaran RM38 bilion di Malaysia," katanya.



DARI MUKA 33

# TAWARAN SUKAR DITOLAK

Jadilah pengguna yang lebih proaktif dan celik kewangan sebelum terima mana-mana tawaran pembiayaan bagi elak beban kewangan

Mohd Harridon berkata, walaupun Nisbah Pinjaman Tidak Berbayar semasa masih berada pada paras 1.4 peratus, satu nilai yang dianggap rendah, tetapi angka itu akan meningkat susulan kekejangan ekonomi global.

"Jika pembiayaan diberi secara sewenang-wenangnya tanpa semakan kelayakan yang betul serta prosedur ketat oleh bank digital, ada kemungkinan krisis kredit akan muncul seperti mana yang berlaku di Amerika Syarikat (AS) pada 2008.

"Kebimbangan itu bertitik tolak daripada satu realiti yang tidak boleh dinafikan iaitu bank digital masih belum mencapai keuntungan.

"Semua bank digital ini masih menanggung kerugian, sebahagiannya disebabkan kos persediaan yang tinggi serta kebergantungan kepada pendapatan daripada pelaburan aset berisiko rendah," katanya.

Bellau berkata, ia turut mendorong bank digital berlumba menawarkan pinjaman mudah kepada pengguna.

Pada masa sama, Maybank Investment Bank Research menganggarkan, tempoh lima hingga enam tahun sebagai jangka masa lazim sebelum bank digital mula mencatat untung.

"Kepada pengguna saya sarankan agar mereka lebih proaktif dan celik kewangan sebelum menerima mana-mana tawaran pembiayaan.

"Pengguna perlu peka terhadap pakej kewangan yang ditawarkan kerana jika dihitng secara kumulatif, sesetengah



PENGGUNA perlu cakna tentang ilmu kewangan supaya tidak terbeban dengan hutang.



TAWARAN pinjaman yang menarik akan mendorong pengguna khususnya tanpa banyak dokumen yang diperlukan.

pakej akan memberikan tekanan kewangan kepada pengguna pada tempoh yang agak lama," katanya.

Bellau menggesa pengguna membuat perbandingan antara pakej yang tersedia dan menilai kemampuan jangka panjang sebelum membuat keputusan.

Daripada sudut pengawalseliaan, katanya, perlindungan asas memang sudah ada iaitu deposit pelanggan dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)

sehingga RM250,000 setiap pendeposit dan semua bank digital diwajibkan mematuhi keperluan Pengurusan Risiko dalam Teknologi (RMIT) BNM yang merangkumi piawaian keselamatan siber yang ketat.


Namun, BNM sendiri dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan bagi separuh kedua 2025 menyatakan risiko siber kekal sebagai keimbangan utama institusi kewangan pada 2026.

Mohd Harridon turut mendesak kerajaan memainkan peranan yang lebih aktif.

Menurutnya, data pembiayaan perlu dikaji secara mendalam dan apabila corak pemberian pinjaman didapati terlalu longgar, satu dasar khusus perlu digubal.

"Kerajaan perlu berinteraksi dengan institusi kewangan supaya masalah jurang keuntungan bank digital dapat dikupas secara mendalam," katanya.

Bank digital adalah masa depan perbankan di negara ini, namun seperti mana-mana revolusi kewangan, ia membawa bersamanya risiko yang perlu diurus dengan bijak, bukan diabaikan demi mengejar pertumbuhan pengguna semata-mata.



TAHAP literasi kewangan rakyat negara ini perlu dipertingkatkan.



KEWUJUDAN bank digital beri kemudahan kepada pengguna, tetapi ia juga datang dengan risiko